

Ghafar jalankan tugas PM

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Tugas Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, kini dijalankan oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sallehuddin Mohamed, dalam satu kenyataan hari ini berkata Encik Ghafar akan menjalankan tugas itu ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berehat.

Datuk Seri Dr Mahathir menjalani pembedahan pintasan koronari di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 24 Januari dan dibenarkan pulang Ahad lalu.

Beliau dijangka kembali bertugas selepas menjalani satu

lagi pemeriksaan dalam masa enam minggu.

Berikut ialah kenyataan penuh Tan Sri Sallehuddin:

"Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah pulang keluar dari Hospital Besar Kuala Lumpur setelah selamat menjalani pembedahan.

"Yang Amat Berhormat telah dinasihatkan oleh doktor untuk berehat secukupnya.

"Semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berehat, tugas-tugas Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba."